

Gerai D'Chucor Kak Linda jadi persinggahan pengguna MRT Sri Raya nikmati aneka cucur, nasi ambeng




KUALA LUMPUR – Terletak kira-kira 70 meter dari Stesen Transit Aliran Massa (MRT) Sri Raya, Cheras di sini, gerai D'Chucor Kak Linda menjadi antara tempat persinggahan orang ramai terutama untuk minum pagi dan petang.

Gerai ini menyajikan pelbagai jenis cucur seperti cucur bawang, cucur udang dan cucur pisang yang pastinya memikat selera.

Pemiliknya, Suhadak Nordin, 60, berkata, pembinaan MRT turut memberi tempas kepada peniaga di kawasan sekitar termasuk gerainya.

“Sejak MRT mula beroperasi, ramai pelanggan berkunjung di gerai-gerai makan sekitar termasuk D'Chucor.

“Ada pelanggan yang memang tidak pernah singgah di sini tetapi MRT membolehkan mereka ke gerai ini,” katanya



SUHADAK (kanan) dan isteri, Haslinda Hanim Jalil di hadapan gerai makan mereka yang terletak hanya 70 meter dari Stesen MRT Sri Raya, Cheras.

kepada *Kosmo!* di sini semalam.

Tambahnya, selain cucur gerainya turut menjual lontong dan makanan popular masyarakat Jawa iaitu nasi ambeng.

Menurut Suhadak, MRT memudahkan pelanggan untuk datang ke gerainya dan

gerai makanan berdekatan dengan hanya berjalan kaki.

“Sebelum ini, ramai pelanggan mengeluh susah hendak makan di sini kerana masalah kekurangan tempat letak kereta,” ujarnya.

Sementara itu, seorang pelanggan, Rashid Muhamamd,



PETUGAS gerai D'Chucor Kak Linda, Husna Suhadak (kanan) melayan seorang pelanggan memilih pelbagai jenis cucur yang dijual di gerai berkenaan.

32, berkata, dia selalu singgah di gerai tersebut pada waktu petang selepas pulang dari kerja.

“Memang setiap hari selepas pulang kerja saya singgah di sini kerana mudah menaiki MRT pergi dan balik kerja,” katanya yang tinggal di Cheras.

INFO Gerai D'Chucor Kak Linda

Lokasi: Medan Selera Taman Sri Jaya, Cheras, Selangor
Stesen MRT: Sri Jaya (70 meter dari stesen)
Telefon: 016-6781948
Waktu Operasi: 7 pagi-6 petang